

05/12/1998

Malaysia, Singapura wajar jadi rakan baik

SATU perkembangan baru dalam perhubungan Malaysia dan Singapura berlaku awal November lalu bila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatnya dari Singapura, Goh Chok Tong mengadakan pertemuan singkat di Pan Pacific Hotel dekat Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Dalam pertemuan itu, kedua-dua perdana menteri mencapai kata sepakat untuk mengkesampingkan perselisihan antara kedua-dua negara itu. Media melaporkan kedua-dua perdana menteri itu sepakat bahawa mereka tidak akan saling kritik mengkritik pada masa depan. Dalam pertemuan sejam setengah itu, Goh menyatakan antara perkara yang dibincangkan dan dipersetujui ialah permintaan Malaysia kepada Singapura membantu kegawatan ekonomi Malaysia. Perkara ini akan dibincangkan selanjutnya oleh kedua-dua pihak. Demikian juga permintaan Singapura untuk menyelesaikan masalah bekalan air ke Singapura. Dr Mahathir memberitahu media yang Malaysia akan menentukan jumlah air yang diperlukan oleh Singapura dan bagaimana bekalan itu dapat ditampung oleh Malaysia. Pada Febuari lalu, Malaysia bersetuju untuk terus membekalkan air kepada Singapura melewati tahun 2061. Persetujuan ini dikatakan perlu disahkan oleh satu perjanjian antara kedua-dua negara dalam masa 60 hari. Setakat ini, perjanjian itu masih belum ditandatangani.

Goh memberitahu media walaupun perbezaan pendapat antara kedua-dua negara mungkin timbul dari semasa ke semasa tetapi adalah penting untuk merapatkan jurang perbezaan itu sambil berusaha mencapai seluas mungkin persetujuan dalam bidang-bidang yang mana kedua-dua pihak mempunyai kepentingan besama. "Dan, di mana kita dapat bersetuju, kita akan bersetuju dan di mana kita tidak dapat bersetuju mengenai sesuatu perkara, kita akan berunding semula esoknya," katanya.

Kedua-dua perdana menteri itu berunding kali terakhir April lalu tetapi keretakan dalam perhubungan kedua-dua negara tetangga itu dicetuskan oleh beberapa isu antaranya isu pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Pusat (CPF) bagi pekerja rakyat Malaysia yang sudah menamatkan perkhidmatan di republik itu. Ini diikuti pula dengan isu keputusan Kerajaan Singapura memindahkan kemudahan Pemeriksaan Kastam dan Kuarantin dari Tanjung Pagar berpindah ke Woodlands, isu pesawat angkatan udara Singapura didakwa menceroboh ruang angkasa Malaysia, sengketa mengenai kempen Kerajaan Malaysia untuk menggesa pengeksport Malaysia mengutamakan Pelabuhan Klang dan sebaliknya mengkesampingkan Pelabuhan Singapura dan juga kehebohan rakyat Malaysia mengenai buku memoir Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew yang mengandungi pandangan yang dianggap mengaibkan pemimpin tertentu negara ini yang sudah meninggal dunia.

Dengan kata lain, isu-isu sengketa itu timbul seperti bersiri, satu demi satu, tanpa dapat diselesaikan melalui saluran diplomatik atau pertemuan peringkat tertinggi hingga menjejaskan perhubungan antara kedua-dua pihak.

Pertemuan terbaru antara Dr Mahathir dan Goh itu adalah satu perkembangan yang sangat dialu-alukan untuk memulihkan hubungan baik dan kerjasama yang erat antara kedua-dua kerajaan dan rakyat tetangga itu.

Hakikatnya, dalam konteks hubungan Malaysia dan Singapura, kedua-duanya saling memerlukan antara satu dengan lain. Barangkali, hakikat inilah yang sering menyebabkan Malaysia dan Singapura sentiasa berusaha mencari jalan merujuk dan kembali ke pangkal jalan walau betapa berat sekalipun isu yang menjadi punca salah faham.

Kedua-duanya adalah negara tetangga yang terdekat yang menjalin sejarah

ikatan yang erat sejak sekian lama. Kedua-duanya saling bergantung untuk maju dan membangun bersama, malah untuk tujuan keselamatan. Salah faham dan sengketa pendapat sudah tentu akan berlaku pada masa depan, seperti kata Goh tetapi selama kedua-dua pihak tidak melupakan hakikat sejarah, maka selama itu tiap sengketa akhirnya di bawa ke meja rundingan.

Ketika menghadapi kegawatan ekonomi, kerjasama dan saling pengertian sesama kita adalah penting demi untuk bersama-sama tolong menolong kerana krisis ekonomi rantau ini memerlukan negara rantau ini berganding bahu menangani dan mengatasi masalah yang dihadapi. Sehubungan itu, adalah wajar, malah perlu sekali, kita berusaha sedaya upaya mengkesampingkan sebarang punca salah faham yang boleh menjejaskan kerjasama serantau.

Kita berterima kasih kepada Kerajaan Singapura kerana sepanjang negara menghadapi isu bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Kerajaan Singapura menjauhkan diri dari membuat sebarang ulasan dan memberikan sebarang pandangan mengenai isu itu yang boleh dianggap sebagai mencampuri urusan dalam negeri kita. Kerajaan Singapura mengambil sikap tidak mencampuri urusan rumah tangga kita dan dengan itu memperlihatkan sikap menghormati kedaulatan dan kemerdekaan tetangganya. Dengan demikian, Singapura memperlihatkan sikap kekitaan yang baik kerana tidak cuba mengambil kesempatan menangguk di air yang keruh.

Kini kedua-dua tetangga itu berada di ambang suatu fasa baru yang penuh harapan. Tetapi, harapan ini akan meleset sekiranya kita tidak berusaha mengikis prasangka masa lampau.

Singapura dan Malaysia sudah melahirkan satu barisan kepemimpinan generasi baru yang sepatutnya tidak dipengaruhi oleh sisa-sisa tanggapan barisan kepemimpinan yang lampau, terhadap satu sama lain. Bagaimanapun hakikatnya kedua-dua, sebagai negara tetangga terdekat, juga boleh menimbulkan masalah. Kerana itu, dalam menangani isu yang sensitif, kedua-dua pihak wajar lebih teliti dan hati-hati. Kita perlu merenung nasib rakyat dan meletakkan kemampuan untuk saling hormat-menghormati, pada tahap yang paling tinggi.

Membina hubungan yang erat dan persefahaman mengambil waktu. Proses memulihkan hubungan yang terjejas kepada keadaan sediakala dimulakan oleh Dr Mahathir dan Goh sebenarnya memerlukan dokongan dan sokongan setiap rakyat kedua-dua negara. Hubungan antara rakyat dengan rakyat harus diperkukuhkan sebagai satu sumbangan kepada usaha pemimpin untuk mempereratkan kerjasama politik, ekonomi, budaya dan sosial sesama kita.

(END)